

‘Tunggu sehingga pendaftaran vaksin disahkan MySejahtera’

Kuala Lumpur: Individu yang mendaftar untuk pengambilan vaksin COVID-19 melalui MySejahtera perlu menunggu sehingga paparan pendaftaran mereka disahkan di aplikasi terbabit.


Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata MySejahtera sudah menambah baik *user interface* (UI) dengan memaparkan proses pendaftaran pengambilan vaksin.

“Tunggu sehingga makluman pendaftaran dipaparkan, tidak perlu mendaftar semula. Bagi mereka yang sudah berbuat demikian dan melihat tarikh pendaftaran yang dipaparkan di aplikasi itu, tidak perlu bimbang kerana kami sudah menerima pendaftaran anda. Janji temu diberikan berdasarkan pendaftaran pertama anda,” katanya menerusi ciapan di Twitter rasminya, semalam.

Sebelum ini media melaporkan

pengguna MySejahtera boleh mula membuat pendaftaran untuk menyertai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, bermula 24 Februari lalu menerusi aplikasi itu.

Dalam ciapannya, Khairy turut



memberi penjelasan susulan kekeliruan orang ramai berhubung proses pendaftaran bagi mendapatkan suntikan vaksin berkenaan, termasuk persoalan oleh bekas Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr Ong Kian Ming.

Menjawab pertanyaan Kian Ming berhubung pendaftaran membabitkan ibu bapanya, beliau menjelaskan, pendaftaran pasangan suami isteri boleh dilakukan secara bersama supaya mereka mendapat janji temu pada tarikh yang sama.

Menjawab ketidakpuasan hati seorang pengguna Twitter yang melahirkan kebimbangan selepas cubaannya untuk mendaftar tidak berhasil, Khairy berkata: “Jangan bimbang. Pendaftaran anda sudah diterima dan direkodkan. Anda akan menerima janji temu berdasarkan pendaftaran pertama”.